

KEJAYAAN UniMAP DALAM IENA 2009

Tahun 2009 merupakan tahun ke - 3 penyertaan UniMAP di International Trade Fair Ideas-Inventions-New Product (IENA 2009) di Nuremberg, Jerman. Pameran telah berlangsung selama 4 hari ini iaitu pada 5 - 8 November 2009. UniMAP telah menghantar lima produk penyelidikan yang diwakili oleh tiga orang penyelidik. Antara produk yang terlibat adalah; 'Autonomous Weeding Robot For Organic Farming' dan produk 'A Low Cost Portable Embedded System For Herb Leaves Recognition System' oleh En. Zulkifli Husin, 'A GPS Based Legged Robot for Mapping Areas of Impossible Human Entry' oleh En. Bukhari Ilias yang mewakili Prof. Nagarajan dan 'Kayan 2 : A Panel Board From Rice Straw' dan juga 'Domigrease-Grease From Dolomite' oleh En. Suhardy Daud. Kesemua produk ini telahpun memenangi pingat emas dan perak di pertandingan di peringkat kebangsaan dan juga UniMAP.



UniMAP telah mencatat 80% kemenangan dengan merangkul 1 emas dan 3 gangsa. Pingat emas menjadi milik En. Zulkifli Husin dengan produknya yang bertajuk 'A Low Cost Portable Embedded System For Herb Leaves Recognition System' manakala 3 produk masing-masing satu dari En. Zulkifli Husin, Prof. Dr. R. Nagarajan dan juga En. Suhardy Daud telah berjaya memenangi pingat gangsa. Secara keseluruhannya, penyertaan penyelidik dari UniMAP dan beberapa IPTA kebangsaan yang lain adalah memuaskan di mana kesemua penyelidik dari IPT di Malaysia termasuk UTeM, USM, UiTM, UPM, UTM telah berjaya memenangi sekurang-kurangnya pingat gangsa dari pertandingan tersebut. Dengan pengiktirafan ini, jelas membuktikan bahawa produk-produk penyelidikan yang dihasilkan di peringkat kebangsaan adalah berkualiti dan mencapai standard antarabangsa.